

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]**

TARIKH : 21 JULAI 2020 (SELASA)

SOALAN

minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan alasan untuk dua sistem untuk kemasukan universiti, matrikulasi dan STPM dan sama ada terdapat satu kajian dan perubahan mengenai kuota perkauman untuk tempat matrikulasi bagi tahun 2020

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPT menyediakan pelbagai laluan untuk melanjutkan pengajian selepas tamat peperiksaan SPM bagi meningkatkan akses ke pendidikan tinggi. Pelajar diberi pilihan dalam menentukan laluan bagi menyambung pengajian mengikut kesesuaian dan kecemerlangan akademik masing-masing.

Selepas menamatkan peperiksaan SPM, pelajar boleh melanjutkan pengajian ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam, Institusi Pendidikan Guru, Kolej Matrikulasi atau meneruskan pengajian ke Tingkatan 6. STPM, Matrikulasi, Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM), Asasi dan Diploma IPTA merupakan laluan kepada pelajar bagi melanjutkan pengajian ke program Sarjana Muda Universiti Awam (UA). Kesemua kumpulan pelajar dari lepasan STPM Matrikulasi, STAM, Asasi dan Diploma mempunyai peluang yang sama untuk mendapatkan tempat pengajian di Universiti awam. Kepelbagaian kelayakan masuk ini memberi ruang kepada universiti untuk memilih calon yang bersesuaian dengan program yang ditawarkan,

Matrikulasi merupakan program yang ditawarkan oleh Kolej Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di bawah Perkara 153, Perlembagaan Malaysia untuk memberi peluang kepada kaum Bumiputera bagi melanjutkan pengajian ke IPTA dalam bidang sains. Kerajaan juga telah mewujudkan kuota kemasukan 10% kepada bukan Bumiputera bermula sesi akademik 2003/2004 untuk melanjutkan pengajian ke matrikulasi dan sistem ini masih berterusan sehingga kini.

Sekian, terima kasih.